

18/12/1998

Tema kejohanan golf Piala Dunia dilancar

TEMA Go For The Green Malaysia '99 dilancarkan secara besar-besaran bagi cabaran Golf Piala Dunia - kejohanan prestij yang bakal berlangsung di The Mines Resort City, Seri Kembangan, November depan.

Segala promosi peringkat kebangsaan dan antarabangsa sudah dalam perancangan, termasuk pelancaran logo baru kejohanan bagi edisi ke-46 itu yang boleh digunakan secara percuma oleh mana-mana pihak di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Tan Sri Abdul Aziz Ismail, berkata antara gelanggang yang disyorkan menggunakan logo berkenaan adalah kelab golf di seluruh negara sebagai tanda sokongan.

Di samping itu, promosi di luar negara mengenai destinasi golf di Malaysia juga sedang dipergiatkan bagi menarik minat pelancong, termasuk bantuan penajaan oleh Penerbangan Malaysia (MAS).

"Piala Dunia kali ini adalah kejohanan terakhir bagi abad ke-20 dan kita harus menggunakan kesempatan ini untuk tujuan mempromosikan nama Malaysia di mata dunia," katanya ketika sesi taklimat ringkas kepada media massa, semalam.

Bagi memastikan segala perancangan berjalan lancar, katanya, jawatankuasa penganjur akan menggerakkan jentera mereka lebih awal dengan tujuan mendapat publisiti maksimum.

Dalam kejohanan tahun ini, pasangan Nick Faldo dan David Carter dari England muncul juara di Gulf Harbour, Auckland, November lalu.

Sambil itu, Fred Couples dan Davis Love III dari Amerika Syarikat adalah pasangan paling menyerlah apabila muncul juara empat kali berturut-turut dari 1992 hingga 1995.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah penaung Jawatankuasa Penganjur Piala Dunia 1999 manakala penasihatnya ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, serta pengasas The Mines Resort City, Tan Sri Lee Kim Yew.

(END)